

05/01/2003

Taman Pertanian Sabah miliki 400 spesies tumbuhan

Thaddius Unnip

PERSEKITARAN Taman Pertanian Sabah di Lagud Seberang, Tenom Sabah yang dihias cantik dengan pelbagai tumbuhan tropika dan landskap menarik menjanjikan suasana nyaman kepada pengunjung dan pencinta seni taman.

Suasana indah yang diselang-seli kicauan burung serta kehijauan tumbuhan

yang menghiasi taman di ceruk pedalaman Sabah itu mampu melahirkan perasaan tenang dan damai kepada pengunjung.

Justeru, peluang berkunjung ke Sabah perlu dipenuhi dengan lawatan ke taman berkenaan yang terletak kira-kira 230 kilometer dari Kota Kinabalu, satu-satunya taman pertanian yang menyediakan kemudahan rekreasi serba lengkap di negara ini.

Dengan keluasan kira-kira 200 hektar serta dipenuhi lebih 400 spesies tumbuhan tropika dari Borneo, Asia Tenggara, Afrika dan Amerika Latin, turut menjadikan taman berkenaan sebagai tempat untuk mendalami alam tumbuhan kepada pengunjung yang ingin menambah pengetahuan.

Di taman itu, pengunjung boleh mengenali pelbagai tumbuhan seperti bunga-bunga, rempah-ratus, kaktus, buah-buahan dan kayu balak tropika, termasuk spesies tumbuhan yang tidak dijumpai di negara ini.

Ia merangkumi lapan kawasan yang dikhaskan mengikut kategori tertentu iaitu Pusat Pemuliharaan Orkid, Muzium Tanaman Hidup, Pusat Lebah, Taman Evolusi, Taman Haiwan, Taman Rimba Tropika, Taman Hoya dan Taman Hiasan.

Pihak taman turut menyediakan beberapa model taman sebagai panduan pengunjung dan peminat seni taman untuk mereka bentuk landskap taman sendiri.

Tinjauan sehari suntuk ke taman berkenaan mungkin tidak cukup bagi pengunjung yang ingin memanfaatkan sepenuhnya kunjungan untuk menimba pelbagai pengetahuan mengenai tumbuhan dan hidupan lain yang ada di sana.

Sehubungan itu, pengunjung boleh memilih untuk bermalam di asrama yang disediakan oleh pihak taman dengan bayaran RM25 seorang bagi satu malam atau menyewa khemah jika inginkan suasana yang lebih lasak.

Taman berkenaan yang dibangunkan sejak 1990-an dan dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 25 Mac tahun lalu bukan setakat mempamerkan tumbuhan tropika, malah lebih daripada itu.

Pengurusnya, Muhidin Ismail, berkata pihak taman turut menyediakan kemudahan rekreasi kepada pengunjung seperti berkayak, berperahu, memancing, berjoging serta berbasikal untuk mengelilingi kawasan taman.

Beliau berkata, ia adalah destinasi pelancongan yang menarik dan mempunyai kelebihan tersendiri kerana menyediakan ilmu pengetahuan mengenai tumbuhan serta suasana rekreasi yang menghiburkan.

"Walaupun taman ini masih baru dan kurang dikenali, tapi ia sebenarnya adalah destinasi pelancongan yang lengkap kerana berkonsepkan pendidikan dan riadah.

"Pelancong atau pengunjung berpeluang mengenali pelbagai tanaman seperti herba, rempah-ratus, tanaman hiasan, buah-buahan, spesies balak dan

haiwan

serta melakukan pelbagai kegiatan yang disediakan pihak taman," katanya.

Sebagai kemudahan pengunjung, pengurusan taman turut menyediakan pemandu

pelancong yang akan membantu pengunjung melawat setiap kawasan di taman berkenaan.

Selain menaiki kereta merentasi banjaran Crocker dari ibu negeri, pengunjung ke taman berkenaan juga boleh menaiki kereta api dari ibu negeri ke pekan Tenom, sebelum meneruskan perjalanan menggunakan kereta kira-kira 15 kilometer ke Lagud Seberang.

Berdasarkan perangkaan pengurusan taman, kira-kira 40,000 pengunjung merangkumi pelancong tempatan dan asing sudah mengunjungi taman itu sejak

ia dibuka pada Mac tahun lalu.

Daripada jumlah itu, seramai 23,618 pengunjung termasuk kira-kira 600 pelancong asing melawat taman berkenaan sepanjang tahun lalu, manakala dari Januari hingga September tahun ini, ia dikunjungi kira-kira 16,700 pengunjung.